

‘Syabas dan tahniah’, itulah ucapan seluruh warga Majlis Perbandaran Dungun (MPD) apabila tiga kakitangan dan seorang Ahli Majlis MPD dikalungkan pingat sempena Ulang Tahun Ke-49 Hari Keputeraan Sultan Terengganu, Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibrai Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, baru-baru ini. Yang Dipertua MPD, Harun Mohamad yang dianugerahkan pingat Darjah Setia Mahkota Terengganu (S.M.T.) mengetuai tiga lagi kakitangan Majlis dan Ahli Majlis MPD iaitu Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Zahanapi Sagaf, Pegawai Kesihatan Persekitaran, Abd Rashad Jusoh serta Ahli Majlis, Aziahwati Abdullah yang masing-masing dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK). Majlis penganugerahan pingat itu yang berlangsung di Istana Maziah disempurnakan oleh Pemangku Sultan Terengganu, Tengku Muhammad Ismail yang merupakan anakanda kepada Tuanku Mizan Zainal Abidin. Seluruh warga MPD mengucap syabas dan tahniah kepada mereka yang menerima pingat terbabit.

Tahniah!

di atas penerimaan pingat kebesaran
sempena ulang tahun ke-49
Hari Keputeraan Sultan Terengganu
Tuanku Mizan Zainal Abidin



Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Dungun
EN. HARUN B. MOHAMAD
DARJAH SETIA MAHKOTA
TERENGGANU (S.M.T.)



Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan,
Majlis Perbandaran Dungun
EN. ZAHANAPI B. SAGAF
PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)



Pegawai Kesihatan Persekitaran,
Majlis Perbandaran Dungun
HJ. ABDUL RASHAD B. JUSOH
PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)



Ahli Majlis,
Majlis Perbandaran Dungun
PUAN AZIAHWATI B. ABDULLAH
PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)



Karnival Pekan Budaya Dungun 2011

Setiasaha MPD, Azmi Arshad serta Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MPD, Zahanapi Sagaf serta ketua-ketua jabatan yang lain.

Pengunjung tidak putus-putus mengunjungi gerai-gerai pameran sambil dihiburkan dengan nyanyian serta tarian oleh kumpulan SUKTRA Negeri Terengganu. Lebih 20 buah gerai pameran dari agensi terbabit yang masing-masing mengetengahkan dan mempersembahkan produk serta perkhidmatan mereka kepada pengunjung.

Penganjuran Pekan Budaya yang dioetuskan kerajaan negeri di seluruh daerah ini disatukan pengunjung sebagai satu langkah yang baik bagi

memberi pengetahuan kepada penduduk dengan perkhidmatan yang diberikan oleh agensi terbabit. Selain itu, penganjuran Pekan Budaya ini juga memberi peluang kepada usahawan kecil dan peniaga tempatan memasarkan produk dan barangan mereka sekaligus memberi keuntungan hasil jualan barangan mereka.

Gerai Majlis Perbandaran Dungun dinobatkan sebagai juara gerai tercantik pada penganjuran Pekan Budaya kali ini dan menerima hadiah wang tunai sebanyak dua ribu ringgit.

Karnival Pekan Budaya Dungun mencatat kehadiran kira-kira 20,000 pengunjung selama 10 hari sepanjang karnival itu berlangsung di kawasan lapang bersebelahan Muzium Daerah Dungun tahun lalu.

Majlis perasmian yang disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam dan Infrastruktur Negeri, YB. Datuk Hj. Za'aba b. Dato' Hj. Mohd Adib itu diwarnai dengan tembakan puluhan das bunga api dengan disaksikan kira-kira 5,000 pengunjung.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Dungun, Dato' Mustopa Abdul Rahman, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun (MPD), Harun Mohamad.





Tidak ramai generasi muda mengetahui keretapi pernah beroperasi di Terengganu iaitu dari Bukit Besi hingga ke Bandar Dungun, untuk mengangkut bijih besi, sebelum dieksport keluar negara. Keretapi itu penting sebagai satu daripada sistem pengangkutan ketika kemuncak industri perlombongan di Terengganu. Bandar Bukit Besi dan Dungun meriah pada zaman itu dan menjadi nadi kepada ekonomi negeri. Setelah lombong Bukit Besi ditutup, ramai penduduk berpindah terutama di Pahang untuk menceburi dalam bidang perladangan, hanya sebahagian kecil saja yang masih tinggal di kawasan berkenaan. Setelah sekian lama sepi kesan sejarah perlombongan itu yang dapat dilihat hari ini ialah kilang melebur bijih besi di Bukit Seren, tempat membersihkan bijih, rumah rehat tetamu dan terowong keretapi di Bukit Tebuk. Langkah Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) membuka sebuah galeri sejarah perlombongan di Bukit Besi adalah baik bagi membantu pengunjung khususnya pelajar membuat rujukan. Orang ramai boleh mengunjungi galeri itu yang mempamerkan gambar dan artifak peralatan perlombongan yang digunakan sepanjang industri berkenaan beroperasi.

Sejarah Bukit Besi



Bukit Besi terkenal sebagai kawasan perlombongan bijih besi terbesar di Asia Tenggara dan kewujudan industri itu berjaya membuka beribu peluang pekerjaan bukan saja kepada penduduk tempatan malah dari luar negara. Kegiatan perlombongan itu bermula apabila seorang ahli kaji bumi dari Jepun, Kuhara membuat kajian di Cemuak, Hulu Dungun pada tahun 1916 dan mendapati terdapat kandungan bijih dengan jumlah yang besar di kawasan itu. Menyedari kepentingan

bahan berharga itu, Kerajaan Terengganu mengeluarkan lesen melombong pajakan di kawasan seluas 432 hektar kepada Syarikat Kuhara Mining Ltd. dan kemudiannya dikenali Nippon Mining Company (NMC). Bermulanya operasi di tapak itu pada tahun 1929, buruh dari China dibawa masuk untuk bekerja tetapi kemudiannya digantikan buruh India selepas berlaku peperangan di antara Jepun dan China. Kesan peperangan dunia kedua dan disusuli keadaan darurat menyebabkan syarikat

berkenaan terpaksa menghentikan kerja perlombongan berikutan permintaan yang semakin berkurangan. Lombong itu beroperasi semula pada tahun 1948 apabila Kerajaan British menjual lombong berkenaan kepada Syarikat Eastern Mining and Metal Ltd. (EEMCO). Selepas 23 tahun beroperasi, lombong itu ditutup pada 13 Januari 1971 selepas permintaan terhadap bijih besi semakin berkurangan, sama seperti nasib lombong bijih timah di negara ini.